

Simposium Antarabangsa Pencegahan dan Pemulihan Dadah

MASALAH penyalahgunaan dadah yang serius di negara ini membuatkan KUIIM mengorak langkah menganjurkan simposium antarabangsa dadah iaitu *International Counseling Symposium On Drug Prevention And Rehabilitation (INCO-SYMo6)* pada 5 hingga 9 September di Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur.

Menurut Pengarah Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa KUIIM, Sapora Sipon, simposium dengan kerjasama Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) mendapat sambutan baik di mana hampir separuh daripada pembentangan kertas kerja adalah pembentang adalah dari luar negara.

Ini bersesuaian dengan taraf seminar yang bersifat antarabangsa dan juga untuk memenuhi salah satu objektif simposium iaitu mengumpulkan pakar-pakar mengenai penyalahgunaan dadah dari seluruh dunia untuk berbincang dan mencari kaedah terbaik dalam menangani masalah ini.

Pakar-pakar luar negara dari Denmark, Iran, Thailand, Republik Maldives, Filipina, Bangladesh, Amerika Syarikat, United Kingdom, Singapura, Indonesia dan Zimbabwe dijadual membentangkan kertas kerja mereka.

Simposium ini dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu bengkel, kertas utama, pembentang kertas kerja selari, forum dan lawatan ke Pusat Pemulihan Dadah.

Peluang mendengar pembentangan kertas kerja dari luar negara amat penting kerana ia memberikan senario bagaimana masalah penyalahgunaan dadah di negara mereka di samping mencari kaedah-kaedah pencegahan, pemulihan dan rawatan dilakukan di negara mereka.

Pembentang dari dalam negara terdiri dari pakar institusi pengajian tinggi, Kementerian Pelajaran, AADK, sekolah, Badan Bukar Kerajaan (NGO) dan juga beberapa agensi lain.

Menurut Sapora lagi, sesi forum akan disertai oleh wakil AADK, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), KUIIM dan juga beberapa pakar mengenai masalah penyalahgunaan dadah.

Simposium ini dijangka dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Mohd Zain pada majlis makan malam yang akan diadakan pada 5 September 2006.

Beliau amat menggalakkan penyertaan orang ramai ke simposium ini memandangkan kehadiran pembentang-pembentang luar negara bakal memberi peluang mengetahui mengenai masalah penyalahgunaan dadah di negara-negara luar selain mengetahui senario masalah penyalahgunaan dadah di negara sendiri.

Penyertaan masih dibuka dan bagi yang berminat boleh melayari laman web <http://fkip.kuim.edu.my/inco-sym06/>, e-mel: incosym@yahoo.com atau hubungi 06-798 8245 (019-660 6662/ 0017, 012-6396702/ 017-8789931).

Sementara itu pada 29 hingga 30 Ogos ini pula, KUIIM akan menganjurkan National Seminar In Islamic Banking dan Finance di Hotel Palace of The Golden Horses, Seri Kemangan, Serang, Selangor.

Mereka yang berminat menyertai seminar anjuran Fakulti Ekonomi dan Muamalat boleh menghubungi Nuradli Ridzwan Shah B Mohd. Dali di talian 06-7988 717, 017-6012 027 atau Amir Shah-nuddin 06-7988 722, 012-228 1244; ataupun faksimili 06-7988 198 dan e-mel: ibaf2006@yahoo.com.

